

Headline	Ibu doa anak lacur diri segera meninggal dunia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	65	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,751



Ibu doa anak lacur diri segera meninggal dunia

GEORGETOWN: “Bayangkan seorang ibu yang terlalu kecewa selepas mengetahui anaknya menjadi pelacur sanggup berdoa supaya anaknya itu mati.

“Biarpun sukar untuk memberitahu hakikat sebenar anaknya adalah pelacur, kami terpaksa kerana itu sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab kami,” kata Yang Dipertua Pertubuhan Menangani Gejala Sosial (Unggas), Nurfitri Amir Muhammad.

Menurutnya, wanita itu juga dikejutkan lagi dengan dua khabar buruk iaitu anaknya mengandung dan menghidap HIV.

“Luluh hati ibu tua terbabit hingga dia sanggup mendoakan anaknya itu mati kerana terlalu buntu untuk mengawal kelakuan anaknya itu yang liar,” katanya.

Menceritakan kembali kisah itu, Nurfitri Amir berkata, mereka berjaya menyelamatkan wanita muda terbabit dari lorong gelap selepas menerima aduan daripada seorang lelaki yang juga pelanggannya.

“Selepas mendapat maklumat, kami akhirnya berjaya menyelamatkan wanita muda terbabit yang berusia 24 tahun ketika dia sedang melacur di sebuah hotel murah di kawasan Prai.

“Mujur dia juga ingin berubah dan mahu kembali ke pangkal jalan dan selepas diberikan kaunseling dia kini beransur pulih dan ditempatkan di sebuah rumah perlindungan kerana mengandung anak luar nikah,” katanya.

Menurutnya, semua kejadian itu berlaku Mei lalu



NURFITRI...Unggas selamat wanita

dan apa yang mengejutkan lagi apabila wanita itu memberitahu, dia terpaksa melacur kerana dipaksa teman lakinya sendiri.

“Selain itu, dia mendakwa melakukan aktiviti terkutuk itu kerana mahu melangsaikan hutang dengan bapa saudaranya.

“Pengakuannya menyebabkan kami terkejut dan selepas diperiksa dia turut memiliki telefon bimbit yang didalamnya mempunyai senarai hampir 100 pelanggannya,” katanya.

Menurutnya, gadis terbabit memang seorang yang tercalar dalam pelajaran dan berhenti sekolah sejak tingkatan tiga dan sejak itu dia mula menjadi liar.

Unggas adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menjalankan aktiviti pemantauan isu sosial, advokasi, penyelidikan, pendidikan awam dan kritik sosial.

Matlamat Unggas untuk menimbulkan kesedaran masyarakat menangani gejala sosial.